

27 JAN 2002
Ling-Mahathir
DR MAHATHIR PEMIMPIN TERBAIK DUNIA, KATA DR LING

KANGAR, 27 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dapat meletakkan Malaysia sebagai negara membangun yang disegani, adalah pemimpin terbaik di dunia, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata ramai pemimpin asing ingin tahu tentang resipi kejayaan Malaysia dalam menangani masalah di samping melaksanakan pembangunan berterusan walaupun negara ini mempunyai rakyat pelbagai kaum.

Katanya Dr Mahathir adalah seorang pemimpin Barisan Nasional (BN) yang bijak dan berwawasan serta dihormati ramai pemimpin dunia di atas kejayaan beliau membangunkan Malaysia.

Berucap pada majlis jamuan kesyukuran sempena kemenangan BN pada pilihan raya kecil Indera Kayangan di kediaman rasmi Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim di sini, malam ini, Dr Ling berkata BN juga berjaya membentuk sebuah jentera yang harmonis walaupun ia dianggotai pelbagai parti.

"Keluarga yang berharmonis seperti BN telah berjaya menghadapi pelbagai cabaran dan menyelesaikan masalah," katanya di hadapan kira-kira 10,000 tetamu termasuk anggota jentera pilihan raya kecil BN itu.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting, Ketua Wanita MCA Datuk Dr Ng Yen Yen serta Naib Ketua Pemuda UMNO Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir.

Sementara itu, Shahidan berkata majlis kesyukuran itu diadakan bagi meraikan para petugas pilihan raya kecil itu dari seluruh negara.

Katanya kemenangan BN pada pilihan raya kecil itu turut didorong oleh kesungguhan para petugas pilihan raya itu.

Anggota Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan, Ooi Ah Lan yang juga Ketua Wanita MCA Perlis, pula menyatakan rasa terharunya terhadap sokongan

jentera pilihan raya BN yang membawa kemenangan kepadanya dan BN.
Katanya kemenangan itu membuktikan sokongan rakyat terhadap BN
kian
meningkat dan parti pembangkang khususnya Parti Keadilan Nasional
kian
dipinggirkan.

-- BERNAMA

AD NAK